

SALUTASI

**PROGRAM KARISMA PEMIKIR MADANI KEPIMPINAN TERTINGGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

28 Mei 2025

Courtyard by Marriott Kuala Lumpur

- 1. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo**
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia
- 2. YBhg. Dato' Roslan bin Hussin**
Ketua Pengarah
Akademi Kenegaraan Malaysia
Pejabat Perdana Menteri
- 3. YBrs. Tuan Shahrir Zaman bin Abdul Wahab**
Timbalan Ketua Pengarah (Profesional)
Akademi Kenegaraan Malaysia
- 4. Pengurusan Tertinggi Universiti Putra Malaysia**
- 5. Pengurusan Tertinggi Akademi Kenegaraan Malaysia**

**DRAF TALKING POINT UCAPAN ALUAN / PERASMIAN NAIB
CANSOLOR**

PROGRAM KARISMA PEMIKIR MADANI UPM

28 Mei 2025 (Rabu) jam 3.00 Petang

1. Tahniah dan terima kasih kepada semua ahli pengurusan tertinggi UPM, dari LPU, JPU sehinggalah Ketua PTJ dan ahli pengurusan PTJ yang sudi hadir bagi menjayakan program pemukiman kepimpinan tertinggi UPM selama dua hari satu malam ini.
2. Terima kasih juga kepada Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) dan KPT yang menyediakan platform ini bagi membolehkan kepimpinan tertinggi UPM berbincang dan menzahirkan komitmen untuk terus memacu kegemilangan UPM.
3. Sepanjang setahun yang lalu telah banyak yang kita lakukan dan mencapai hasil yang memberangsangkan. Namun berada dalam era VUCA dan pascanormal menuntut universiti tidak mudah berpuas hati dengan kejayaan lampau sebaliknya terus bergerak pantas bagi mendepani pelbagai cabaran yang bakal mendatang.
4. Melalui True North kita perlu memastikan DNA dan Nic kekuatan UPM mampu mengharungi cabaran dan kemampuan menuju Visi 2050. Budaya bekerja melangkaui jangkaan berpaksikan motto Berilmu Berbakti serta iltizam untuk menjayakan agenda Keterjaminan Makanan dan Kesihatan Planet perlu terus dititikberatkan.
5. Untuk itu, UPM memerlukan saf kepimpinan yang boleh bergerak seiringan sebagai satu pasukan dan memahami agenda True North UPM dan aspirasi Malaysia Madani melalui penghayatan semangat patriotisme dan kenegaraan yang tinggi.

6. Harapan saya adalah agar kepimpinan tertinggi setiap PTJ dapat menggembeng kekuatan dan kepakaran warga PTJ baik pegawai akademik mahupun bukan akademik dalam memacu kegemilangan UPM. Pastikan setiap warga PTJ memahami agenda UPM dan aspirasi Malaysia Madani.
7. Tonggak kekuatan kita ialah – Pelajar, staf, Alumni, Pesara dan Rakan Strategik UPM. Optimumkan peranan dan sumbangan setiap tonggak ini bagi merealisasikan agenda True North dan Visi 2050 UPM.
8. Semoga program dua hari ini yang membabitkan sesi bersama pakar dari pelbagai bidang dapat membuka minda kita, menyuntik semangat dan motivasi sekali gus meningkatkan keupayaan bagi memacu kecemerlangan UPM.

DRAF TALKING POINT SESI 6 : MENELUSURI CITRA UPM 2050
PROGRAM KARISMA PEMIKIR MADANI (VISI UPM 2050)
29 MEI 2025 (KHAMIS) JAM 2.00 PETANG

1. Apa impian kita untuk UPM pada 2050? Ini persoalan yang perlu berlegar dalam minda setiap ahli pengurusan atau kepimpinan tertinggi UPM yang mahu melihat UPM terus kekal relevan, berdaya saing dan mencapai kejayaan.
2. Kita dalam proses membangunkan Pelan Strategik UPM 2026-2030 selain menggerakkan Visi 2050. Justeru kita perlu jelas apa hala tuju dan ke mana kita ingin membawa UPM melalui Pelan Strategik dan impian 2050 tersebut.
3. Kita perlu segera kenalpasti apa kelemahan dan kekangan yang sedang UPM hadapi sekarang seterusnya membina kekuatan untuk menangani segala cabaran tersebut supaya dapat **Menelusuri Citra UPM 2050**.
4. Kita tidak boleh lari dari DNA dan Nic UPM yang lahir sebagai sebuah universiti pertanian. Justeru usaha memartabatkan agenda pertanian UPM perlu dilipatgandakan. Pertanian Untuk Rakyat (PUTRA) perlu diangkat sebagai fokus dan True North utama UPM supaya mampu memberikan sumbangan bermakna kepada rakyat dan negara selain tersohor di peringkat global.
5. Jadi saya berharap setiap PTJ dapat mengemukakan cadangan untuk menjayakan agenda True North melalui kerangka pendekatan intervensi yang bersesuaian untuk jangka masa pendek, sederhana dan jangka masa panjang.
6. Kelangsungan UPM melangkaui Pelan Strategik 2026-2030 dan Visi 2050 bergantung harap kepada apa yang perlu dan akan kita lakukan sekarang. Justeru kita perlu memikul tanggungjawab dan melaksanakan amanah dengan penuh telus dan integriti bagi meletakkan UPM pada posisi yang sewajarnya.